



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS JASAMU DIKENANG TAHUN 2021

TARIKH / MASA / TEMPAT

**16 NOVEMBER 2021 (SELASA)
9.30 PAGI**

**THE LIGHT HOTEL
SEBERANG JAYA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Saudara WHIP Parti

Encik David Marshel a/l Pakianathan

Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid

Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad

Saudara Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid

Pemangku Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Pera

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berbahagia Datin Hajah Che Limah Binti Haji Ujang

Pengerusi PUSPANITA MBSP

Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin

Pengerusi ANULAE Cawangan Seberang Perai

Tuan Sr Mat Nasir bin Hassan

Naib Yang Dipertua PESUKA

Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff

Yang Dipertua PERMAI

Puan Latifah binti Razali

Pengerusi KOSPEMA

Yang Diraikan Para Pesara

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi yang penuh makna ini iaitu Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2021 yang diadakan khas bagi meraikan persaraan seramai 92 kakitangan yang telah berkhidmat di Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Saudara WHIP Parti dan Ahli-Ahli Majlis MBSP, Tuan Pemangku Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini untuk meraikan rakan-rakan kita yang bersara dan menamatkan perkhidmatan dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urusetia yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Kakitangan-kakitangan merupakan aset yang penting yang sentiasa diberi perhatian oleh pihak pengurusan. Tanpa penglibatan dan sokongan mereka, MBSP tidak dapat menempa nama dan terus gemilang menjadi Pihak Berkuasa Tempatan yang cemerlang. Amalan kerja yang berprestasi tinggi menghasilkan impak yang cukup baik di mana permasalahan rakyat dan perbandaran diberi perhatian serius dan diambil tindakan yang sewajarnya. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan warga kerja MBSP tidak terbalas dan tetap terpahat di hati. Dalam konteks perkhidmatan awam, MBSP sentiasa menunjukkan keprihatinan dalam menjaga kebajikan dan kepentingan kakitangan MBSP.

MBSP sehingga kini mempunyai keseluruhan kakitangan seramai 3,953 orang. Bilangan pegawai di peringkat Pengurusan dan Profesional berjumlah 71 orang di mana bilangan pegawai wanita adalah 32 orang (45%) dan pegawai lelaki sebanyak 39 orang (55%). Ini bersesuaian dengan Dasar Keterangkuman Gender Pulau Pinang yang mensasarkan nisbah 40:40:20 (40% wanita, 40% lelaki dan 20% lelaki dan wanita) sebagai penanda aras bagi penyertaan wanita dan lelaki di peringkat

pembuat dasar agar tidak ada satu gender pun yang mendominasi proses membuat keputusan (dasar).

Saya menyanjung tinggi kesungguhan semua warga kerja MBSP termasuk wira barisan hadapan dan wira oren di pelbagai peringkat yang sentiasa komited dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat Seberang Perai. MBSP dengan rela hati tampil menyertai Wira Barisan Hadapan semasa negara dilanda musibah pandemik COVID-19 semenjak 18 Mac 2020 untuk memastikan rakyat mematuhi SOP protokol kesihatan awam. Alhamdulillah, kemudiannya berterima kasih kepada rakyat, mulai 8 November 2021, Pulau Pinang telah memasuki Fasa 4, yang membolehkan penduduk bergerak seperti biasa dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan. Warga kerja MBSP dan rakyat harus menerima hakikat yang COVID-19 akan terus berada dalam kehidupan kita semasa era endemik. Kita harus mengenali COVID-19 sebagai rakan bukan musuh. Justeru, untuk menyesuaikan diri dengan musuh yang akan menjadi kawan, kita mesti bersedia dengan mengambil vaksin supaya virus itu ada dalam badan kita dan mengamalkan patang larang yang biasa kita kenali sebagai SOP, serta mengamalkan Norma-Norma Baharu sebagai pembetulan kepada cara hidup yang diamalkan sebelum ini. Inilah yang dikatakan hikmah, manusia akan kembali ke pangkal jalan apabila mereka diuji

dengan kesengsaraan dan ketakutan. COVID-19 adalah ujian kepada kita semuanya, kembalilah ke pangkal jalan.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2021 meraikan seramai 92 orang pesara yang terdiri daripada 40 orang pesara wajib, 10 orang pesara pilihan sendiri, seorang bersara atas sebab kesihatan serta takziah kepada 41 orang kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai yang telah meninggal dunia di dalam perkhidmatan. Pesara dan juga waris kepada pesara akan menerima sijil penghargaan dan cenderahati berupa jam tangan sebagai kenang-kenangan di atas perkhidmatan mereka selama bertugas di MBSP.

Sepanjang menjalankan tugas, saya pasti tuan-tuan dan puan-puan mempunyai pelbagai tips, pesanan dan cebisan pengalaman yang berguna untuk disampaikan. Saya menyeru agar pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan yang masih berkhidmat, terus berhubung untuk mendapatkan nasihat daripada *senior* yang telah banyak berjasa ini. Nasihat dan tunjuk ajar anda semua boleh dijadikan pedoman untuk warga kerja yang muda supaya mereka sentiasa bersiap siaga menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Adalah menjadi satu kerugian besar kepada Negara sekiranya bakat dan pengalaman yang telah ditimba setelah berkhidmat bertahun-tahun di dalam perkhidmatan awam dipersia-siakan begitu sahaja. Saya telah meminta Jabatan Khidmat Pengurusan mengkaji untuk menubuhkan alumni MBSP atau apa-apa nama lain yang membawa pengertian yang sama, menyediakan peruntukan tahunan, melantik pegawai khas yang bertanggung jawab dalam urusan persaraan supaya kebajikan pekerja dan keluarga terus terjaga.

Pesara MBSP amat bernasib baik, walaupun selepas bersara, MBSP tetap mengambil berat terhadap kebajikan mereka. Jabatan Khidmat Pengurusan telah pun memproses elaun bayaran pencen yang akan diterima sebaik-baik sahaja bersara. Manakala wang ganjaran telah diproses, malahan ada yang telah menerima ganjaran sebelum pesaraan. Semasa bersara MBSP menanggung sepenuhnya kos perubatan kepada pesara, isteri dan anak yang OKU sahaja. Sehingga 2021, MBSP masih menanggung dan menjaga kebajikan 120 pesara yang masih hidup. Apabila ada dikalangan pesara yang meninggal, bantuan mengurus jenazah

RM3,000 akan diberikan kepada waris terdekat. Seterusnya MBSP akan membantu memproses supaya wang pencen bulanan pesara akan dibayar kepada isteri dan anak-anak pesara mengikut formula yang telah ditetapkan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya kepada tuan-tuan dan puan-puan dalam apa jua bidang yang diceburi. Saya doakan semoga hari-hari persaraan tuan-tuan dan puan-puan dilimpahi segala rahmat dan keberkatan daripada Allah S.W.T. Jika selama ini anda semua telah terbiasa dengan kesibukan di pejabat, saya berharap supaya gaya hidup yang aktif itu terus dikekalkan, di samping mengawal pemakanan dan menjaga kesihatan.

Dengan ini, saya sudahi dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Sekian, Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.